

Buletin



Pentadbiran Jabatan Pendaftar



Menarik di dalam :

Kemudahan Tuntutan Perbelanjaan Kaca Mata *MUKA 7*

Majlis Menandatangani Letter Of Intent Di Antara Usim Dan Air Asia Berhad *MUKA 10*

Majlis Penghargaan Dan Penyerahan Tugas Pengerusi Lembaga Pengarah USIM *MUKA 11*

ISI KANDUNGAN

02	Sidang Editorial	Penulis Dan Penyumbang Buletin
03	Alu – aluan Pendaftar	
04 - 05	Organisasi Jabatan Pendaftar	
06	Info	Pekeliling
07	Info Menarik	Kemudahan Tuntutan Perbelanjaan Kaca Mata
08 – 09	Info Pilihan	Pemilikan Dan Perisytiharan Harta Oleh Pegawai Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
10	Sekitar Aktiviti Jabatan Pendaftar	Majlis Menandatangani Letter Of Intent Di Antara Usim Dan Air Asia Berhad
11		Majlis Penghargaan Dan Penyerahan Tugas Pengerusi Lembaga Pengarah USIM
12		Kejohanan Bowling Piala Pendaftar 2012
13		Lawatan Kerja Sambil Belajar Dari Bahagian Keselamatan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
14		Bengkel Pemurnian Prosedur Umum Dan Prosedur Khusus Jabatan Pendaftar
15		Program Sangkutan Kakitangan Jabatan Pendaftar : Puan Monaliza Laudang di Netherlands
16		Program Sangkutan Kakitangan Jabatan Pendaftar : Puan Suriyati Ismail di USA
		Bengkel Naziran Sebagai Asas Permohonan Jawatan Baru Oleh Pusat Tanggungjawab
17		Kursus Induksi Kakitangan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional Serta Sokongan I (Gred 27- 40) Bil.1/2012
		Sumbangan Ukhwah Jabatan Pendaftar Kepada Anak-Anak Yatim
18		Lawatan Kerja Dari Kolej Islam Darul Ridzuan (KISDAR), Perak
19		Lawatan Kerja Ke Universiti Sains Malaysia
20		Majlis Berbuka Puasa Bersama LPU USIM & Penghargaan Mantan Ahli LPU USIM – Y.Bhg. Dato' Syed Amin Al - Jeffri
21		Sambutan Hari Raya Peringkat USIM & Gotong Royong Memasak Rendang
22		Pertandingan Melawan Kebakaran (CDERT) Sempena Eksesais Pertahanan Awam Peringkat Kebangsaan 2012
23		Kejohanan Tarik Tali Terbuka Awam Sempena Pesta Konvokesyen USIM Ke-10
24		Bengkel Pemurnian, Pembangunan dan Pelaksanaan Sistem Laporan Prestasi Pengajian Sedang Bercuti Belajar Atas Talian (ePrestasi Cuti Belajar) di Morib
25		Kursus Induksi Khusus dan Umum bagi Kumpulan Sokongan (Gred 17-26) dan (Gred 1-16) Bil. 1/2012 USIM
26		Lawatan Ke Pejabat Polis Bantuan UiTM, Shah Alam
		Lawatan Kerja Jabatan Keselamatan, Universiti Utara Malaysia (UUM)
27		Mesyuarat Majlis Penasihat Undang - Undang
		Hari Mesra Pelanggan Jabatan Pendaftar
28 - 29		Retreat Jabatan Pendaftar - Felda Residence Tanjung Leman, Mersing
30	Ijab Kabul Dua Hati & Kelahiran Si Comel	
31	Naik Pangkat Kakitangan Pentadbiran.... <i>Tahniah!</i>	
32 – 33	Kakitangan Cemerlang Dan Terpuji.... <i>Tahniah!</i>	
34	Staf Contoh Bulanan Tahun 2012..... <i>Tahniah!</i>	
35	Statistik Pengisian Kakitangan dan Jawatan di USIM Tahun 2012	
36	Penempatan Baharu Kakitangan Tahun 2012	

SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

Encik Muhammad Haizuan Rozali
Pendaftar

PENASIHAT

Puan Monaliza Laudang
Timbalan Pendaftar Kanan

KETUA EDITOR 1

Cik Rohimah Abdul Rahman
Penolong Pendaftar

KETUA EDITOR 2

Puan Norrifilzah Shahari
Penolong Pendaftar

EDITOR

Cik Siti Aishah Naim
Penolong Pegawai Tadbir



PENULIS DAN PENYUMBANG BULETIN

Bahagian Undang – Undang

Cik Nora Ardilla Nordin
Penolong Pendaftar

En. Mohd Hilmi Daud
Pembantu Tadbir (P/O)

Bahagian Modal Insan

Puan Zainab Ismail
Pembantu Tadbir Kanan

Puan Hermawati Mazuén Bahari
Pembantu Tadbir Kanan

Rozailiza Rajab
Pembantu Tadbir Kanan

Cik Shezelena Madon
Pembantu Tadbir (P/O)

Bahagian Keselamatan


Cik Nor Azrien Mohamad Yunus
Penolong Pegawai Keselamatan

Bahagian Governan dan Pentadbiran Am

Puan Noor Azreena Abdul Malek
Pembantu Tadbir (P/O)

Pereka Grafik

En. Amizul Aziz
Pembantu Tadbir (P/O)



Alu-aluan Pendaftar



Assalamualaikum dan salam sejahtera terlebih dahulu. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada sidang pengarang dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Buletin Pentadbiran Jabatan Pendaftar USIM edisi kali ini. Dengan kesinambungan penerbitan buletin ini, saya yakin semua warga Jabatan Pendaftar USIM akan lebih peka terhadap perkembangan aktiviti yang melibatkan warga Jabatan Pendaftar USIM. Di samping itu, ia juga merupakan wadah bagi warga Jabatan Pendaftar USIM mencetuskan idea untuk dikongsi bersama dengan pihak-pihak yang berkaitan.

Saya berbangga dengan penglibatan warga Jabatan Pendaftar dalam aktiviti yang telah dianjurkan sehingga kini termasuk Lawatan-lawatan Kerja, Bengkel Pemurnian Prosedur Umum & Prosedur Khusus, Bengkel Penambahbaikan Skim SLAK serta program agama dan kebajikan. Saya berharap warga Jabatan Pendaftar USIM akan terus mengambil bahagian yang aktif dalam aktiviti akan datang yang dianjurkan termasuk aktiviti riadah dan sosial yang dapat menanamkan sifat kebersamaan malahan dapat melahirkan individu yang berdaya tahan.


Kerjasama erat yang terjalin antara pegawai dan kakitangan menerusi aktiviti dan program yang dijalankan adalah lambang kebersamaan kita. Ia seterusnya akan mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni bagi membolehkan kita melaksanakan tugas yang kian mencabar terutamanya dalam pembentukan budaya kerja yang cemerlang. Saya berkeyakinan bahawa dengan sikap profesionalisme dan semangat kerjasama yang sedia terjalin, kita sama-sama akan dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan ini dengan jayanya. Usaha ini juga akan dapat meningkatkan prestasi Jabatan Pendaftar sebagai sebuah Pusat Tanggungjawab yang cemerlang.


Selamat Maju Jaya.

“BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA”

MUHAMMAD HAIZUAN ROZALI

Pendaftar






NORALIZAWATI ISHAK
SETAUSAHA PEJABAT
N27

PT (P/O) N17

BAHAGIAN GOVERNAN
DAN PENTADBIRAN AM



NORRUFILZAH
SHAHARI
PEN. PENDAFTAR
N41

BAHAGIAN
KESELAMATAN



ABD. WAHAB MAT ZIN
PEG. KESELAMATAN
KANAN KP44

UNIT PEMBANGUNAN



MD. ISHAH
RAHMAN
PEN. PENDAFTAR
KANAN N44

SEKSYEN LATIHAN &
PEMBANGUNAN

SEKSYEN
KOMPETENSI

LATIHAN

PSIKOLOGI &
RUNDINGCARA




MD. ISHAH
RAHMAN
PEN.
PENDAFTAR
KANAN N44



KHAIRUL
HANNAN
HASBULLAH
PEN.
PENDAFTAR
N41



MOHD SHAHRUL
NIZAM MOHAMED
SHAMSUDDIN PEN.
PENDAFTAR N41



NORAZLINA ABU
ZAHAR
PEN. PEG. TADBIR
N27



SITI AISHAH NAIM
PEN. PEG. TADBIR
N27



ROZAIMI KAMARUDIN
PEN. PEG.
KESELAMATAN KP27



NOR AZRIEN
MUHAMAD YUNOS
PEN. PEG.
KESELAMATAN KP27

UNIT OPERASI &
PEMBANGUNAN
STAF

UNIT PENTADBIRAN
& PERKHIDMATAN



ROSDI ABDULLAH
PEMBANTU
TADBIR KANAN
N22

PT (P/O) N17 PT (P/O) N17 PT (P/O) N17 PT (P/O) N17

PT (P/O) N17 PT (P/O) N17 PT (P/O) N17 PT (P/O) N17

5 x KP17

3 x KP14

85 x KP11

PT (P/O) N17

PT (P/O) N17

PAP N1

PRA R1

INFO

SENARAI PEKELILING PERKHIDMATAN, SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN DAN SURAT EDARAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) YANG TELAH DILULUSKAN DALAM MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI TAHUN 2012 UNTUK PEMAKAIAN USIM

BIL	PEKELILING		KELULUSAN
1	SPP Bil 12/2011	Dasar Baru Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap	Mesyuarat LPU Bil. 1/2012
2	SPP Bil 15/2011	Kemajuan Kerjaya Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Saraan Baru Perkhidmatan Awam	
3	Surat Edaran JPA	Kaedah Pengiraan Elaun Pemangku Pegawai Yang Memangku Gred Kumpulan Pengurusan Tertinggi Dalam Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam	
4		Pelaksanaan Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang Bagi Tahun 2012	
5	PP Bil 1/2012	Kenaikan Gaji Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia	Mesyuarat LPU Bil. 2/2012
6	PP Bil 3/2012	Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup	
7	PP Bil 4/2012	Pelaksanaan Urusan Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Bawah Sistem Saraan Malaysia	Mesyuarat LPU Bil. 3/2012
8	PP Bil 5/2012	Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2012	Mesyuarat LPU Bil. 4/2012
9	Surat Edaran JPA	Sukatan Ujian Kemahiran Bagi Skim Perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat dan Setiausaha Pejabat	
10	Surat Edaran KPT	Pemanjangan Kaedah Pelaksanaan Kenaikan Pangkat Secara <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma	Mesyuarat LPU Bil. 5/2012
11	Surat Edaran JPA	Kepentingan Melindungi Maklumat Rahsia dan Terperingkat Kerajaan	
12	PP Bil 12/2012	Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Kali Kedua Tahun 2012	Mesyuarat LPU Bil. 6/2012
13	PP Bil 15/2012	Pindaan Skim Perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian	

PEKELILING PEJABAT PENDAFTAR

BIL	PEKELILING		KELULUSAN
1	Bil 1/2012	Panduan Pemilikan dan Pengisytiharan Harta Tertentu Oleh Pegawai USIM	Mesyuarat LPU Bil. 1/2012
2	Bil 2/2012	Kaedah Pelaksanaan dan Pembiayaan Yuran Keahlian Badan Profesional di USIM	Mesyuarat JKPU Bil. 3/2012
3	Bil 3/2012	Kemudahan Tuntutan Perbelanjaan Kaca Mata	Mesyuarat JKPU Bil. 12/2012
4	Bil 4/2012	Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Berada Di Luar Negara Atas Urusan Persendirian	Mesyuarat JKPU Bil. 25/2012
5	Bil 5/2012	Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menjalankan Tugas Rasmi Dan Berkursus Di Luar Negara	Mesyuarat JKPU Bil. 26/2012
6	Bil 6/2012	Kemudahan Pemberian <i>Business Card</i> Kepada Pegawai Universiti Sains Islam Malaysia	Mesyuarat JKPU Bil. 26/2012

INFO MENARIK

PEKELILING PEJABAT PENDAFTAR BILANGAN 3 TAHUN 2012 UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Seksyen/Unit
Universiti Sains Islam Malaysia

KEMUDAHAN TUNTUTAN PERBELANJAAN KACA MATA

1. TUJUAN

Pekeliling Pejabat Pendaftar ini bertujuan memaklumkan keputusan Universiti berhubung Kemudahan Tuntutan Perbelanjaan Kaca Mata USIM.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pengurusan Universiti bersetuju agar Kemudahan Tuntutan Perbelanjaan Kaca Mata disediakan kepada staf USIM kerana ianya merupakan alat bantuan penglihatan dan kebanyakan staf menggunakannya dalam membantu melaksanakan urusan seharian.

2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 12/2012 yang bersidang pada 10 April 2012 bersetuju menerima cadangan mewujudkan kemudahan ini untuk kebajikan staf USIM.

3. PELAKSANAAN

3.1 Pengurusan Universiti bersetuju mewujudkan kemudahan ini seperti berikut :

3.1.1. Layak dituntut oleh staf lantikan tetap, kontrak, sementara dan pinjaman sahaja;


3.1.2. Layak menuntut Kemudahan Tuntutan Perbelanjaan Kaca Mata ini pada kadar maksima RM200.00 setiap tiga (3) tahun sekali menggunakan borang PEND/KACA MATA;

3.1.3. Tuntutan hanya dibenarkan untuk kaca mata lutsinar iaitu untuk kegunaan urusan seharian di pejabat. Manakala tuntutan untuk kanta sesentuh atau kaca mata berwarna bukan tujuan membantu penglihatan adalah tidak layak dipertimbangkan.

3.1.4. Setiap tuntutan yang diluluskan akan direkodkan di dalam Buku Perkhidmatan pegawai.

4. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Pejabat Pendaftar ini berkuat kuasa mulai 10 April 2012.



INFO PILIHAN

PEMILIKAN DAN PERISYTIHARAN HARTA OLEH PEGAWAI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

	ISI KANDUNGAN
Pekeliling Pejabat Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2012 Kelulusan Mesyuarat LPU Bil. 1/2012	<p>LATAR BELAKANG</p> <p>Pemilikan dan perisytiharan harta pegawai adalah berdasarkan kepada Peraturan 9, Jadual Kedua, Bahagian II, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 [Akta 605] yang memperuntukkan bahawa:</p> <p><i>"Seseorang pegawai hendaklah, apabila dilantik ke perkhidmatan sesuatu badan berkanun atau pada bila-bila masa selepas itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga, mengisytiharkan secara bertulis kepada Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan, melalui Ketua Jabatannya, segala harta yang dipunyai olehnya atau oleh isteri atau suaminya atau anaknya atau yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihaknya atau bagi pihak isteri atau suaminya atau anaknya".</i></p> <p>DEFINISI</p> <p>"harta" bermaksud harta yang telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam menerusi Warta Kerajaan Malaysia P.U.(B) 104/2010 bertarikh 11 Mac 2010 seperti berikut:</p> <p>(a) berkenaan dengan harta tak alih :</p> <ul style="list-style-type: none">(i) tanah, termasuk tanah yang diduduki di bawah lesen pendudukan sementara;(ii) segala jenis tempat kediaman seperti rumah, rumah pangsa, pangsapuri atau kondominium;(iii) bangunan, termasuk rumah kedai atau ruang kedai, ruang pejabat atau warung; dan <p>(b) berkenaan dengan harta alih :</p> <ul style="list-style-type: none">(i) apa-apa bentuk wang tunai di mana jua dideposit atau disimpan;(ii) syer, saham, debentur, bon atau sekuriti lain;(iii) apa-apa bentuk lesen atau permit perdagangan, perniagaan atau komersial;(iv) apa-apa jenis kenderaan bermotor;(v) apa-apa harta alih yang lain, termasuklah segala jenis kenderaan motor, barang kemas, keahlian kelab, perabot rumah dan alat sukan yang harga belian tiap-tiap satunya melebihi enam (6) bulan emolumen atau RM10,000.00 mengikut mana yang lebih rendah; <p>"pegawai" bermaksud seseorang yang diambil kerja secara tetap, sementara atau kontrak dan dibayar emolumen oleh USIM, dan termasuklah seseorang yang dipinjamkan;</p> <p>"pemilikan harta" bermaksud harta yang dimiliki oleh pegawai atau isteri atau suaminya atau anaknya atau yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihak isteri atau suaminya atau anaknya; dan</p> <p>"perisytiharan harta" bermaksud perisytiharan harta kali pertama, harta tambahan, pelupusan harta dan termasuk pengakuan tiada perubahan ke atas pemilikan harta.</p> <p>PELAKSANAAN</p> <p>Kewajipan/Keperluan Membuat Perisytiharan Harta</p> <p><i>Semua pegawai dikehendaki mengisytiharkan hartanya, harta isteri/suaminya atau anaknya kepada Jawatankuasa Tatatertib melalui Ketua Jabatan apabila:</i></p> <ul style="list-style-type: none">(i) dilantik ke perkhidmatan sesuatu badan berkanun;(ii) dikehendaki oleh Lembaga;(iii) memperoleh harta tambahan; dan(iv) melupuskan harta.

Tempoh Perisytiharan Harta

Semua pegawai dikehendaki membuat perisytiharan harta sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima (5) tahun. Tempoh perisytiharan harta dikira berdasarkan tarikh terakhir perisytiharan harta dibuat.

Sekiranya dalam tempoh perisytiharan harta tersebut, pegawai tidak memperolehi apa-apa harta tambahan atau tidak melupuskan apa-apa harta, maka pegawai perlu membuat pengakuan mengenainya dengan menggunakan Borang PEND/BUU/PK04_PH03.

TATACARA PERISYTIHARAN HARTA

Borang Yang Digunakan

Bagi tujuan membuat perisytiharan harta, borang berikut hendaklah digunakan:

	<u>JENIS BORANG</u>	<u>KEGUNAAN</u>
(i)	PEND/BUU/PK04_PH01	Bagi perisytiharan harta kali pertama dan harta tambahan
(ii)	PEND/BUU/PK04_PH02	Bagi perisytiharan pelupusan harta
(iii)	PEND/BUU/PK04_PH03	Bagi perakuan tiada perubahan harta

Borang yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia Jawatankuasa Tatatertib di alamat berikut:

Urus Setia Jawatankuasa Tatatertib
Bahagian Undang-Undang
Jabatan Pendaftar
Aras 2, Bangunan Canselori
Universiti Sains Islam Malaysia



MAJLIS

MENANDATANGANI

LETTER OF INTENT

DI ANTARA USIM DAN AIR ASIA BERHAD

Disediakan oleh : Puan Noor Azreena Abdul Malek

NILAI - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Air Asia Berhad telah menandatangani Surat Niat atau *Letter Of Intent* (LOI) bertujuan untuk meningkatkan lagi hubungan baik di antara kedua – dua belah pihak.

USIM yang diwakili oleh TNC (HEPA), Profesor Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah menyifatkan perjanjian ini boleh memberikan manfaat kepada kedua – dua belah pihak memandangkan USIM di antara IPT yang kerap menggunakan perkhidmatan Air Asia Berhad. Di antara faedah yang dinikmati adalah sebarang perubahan tarikh dan masa perjalanan dalam tempoh 24 jam sebelum penerbangan tidak akan dikenakan penalti.

Beliau turut berpandangan bahawa penjematan turut berlaku memandangkan USIM mempunyai 13 program *Global Islamic Student Outreach* (GISO) yang akan dilaksanakan pada tahun ini.

Sementara itu, AirAsia yang diwakili Ketua Serantau Pembangunan Kerajaan dan Timur Tengahnya, Dato' Abdul Nasser Abu Kassim berkata, LOI ini diharap dapat membantu USIM mengurangkan kos penerbangan seluruh warga universiti ini.



Majlis

PENGHARGAAN DAN PENYERAHAN TUGAS PENERUSI LEMBAGA PENGARAH, USIM

Disediakan oleh : Cik Siti Aishah Naim

Majlis Penghargaan dan Penyerahan Tugas Pengerusi LPU USIM telah diadakan pada 18 April 2012 yang lalu susulan penamatan Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Hj. Md. Noor yang telah memberi sumbangan bakti sebagai Pengerusi LPU USIM mulai 1 April 2000 sehingga 31 Mac 2012. Majlis yang diadakan di Galeri Bangunan Canselori, Universiti Sains Islam Malaysia ini turut dihadiri oleh mantan – mantan dan Ahli – Ahli Lembaga Pengarah USIM serta Pengurusan Tertinggi serta Pegawai – Pegawai Kanan USIM. Kemuncak majlis ialah sesi penyerahan tugas oleh Mantan Pengerusi kepada Pengerusi LPU USIM yang baharu dilantik oleh YB Menteri Pengajian Tinggi iaitu Y.Bhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin. Beliau akan meneruskan khidmat bakti kepada USIM sehingga 31 Mac 2015. Majlis dimulai pada jam 2.30 petang dan diakhiri dengan sesi fotografi pada jam 5.00 petang.



KEJOHANAN BOLING PIALA PENDAFTAR 2012

Disediakan oleh : Cik Nor Azrien Muhamad Yunos

SEKITAR AKTIVITI JABATAN PENDAFTAR

SEREMBAN - Bahagian Keselamatan USIM telah menganjurkan Kejohanan Boling Piala Pendaftar pada 22 Mei 2012 yang lalu bertempat di U-Bowl, Jusco Seremban 2, Seremban, Negeri Sembilan. Kejohanan telah berjaya menarik penyertaan sebanyak 18 pasukan dan setiap pasukan diwakili oleh tiga (3) pemain lelaki dan seorang pemain wanita.

Objektif utama kejohanan ini adalah untuk mencungkil bakat kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia yang berkebolehan bermain boling di samping mencari bakat- bakat baru yang berkelayakan untuk dipilih ke Kejohanan Sukan Universiti Malaysia (SUKUM) yang telah diadakan pada 2 sehingga 7 Julai 2012 bertempat di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Berikut adalah merupakan pemenang bagi setiap kategori:

Kategori Kumpulan

KEDUDUKAN	NAMA KUMPULAN	AHLI KUMPULAN	MATA
1	Team 69	Encik Shahrin Amri Encik Shah Ruddin Harun Encik Juhari Jaafar Puan Wan Nor Ianin	1773
2	Fighter	Encik Nazaruddin Talib Encik Jalaluddin Encik Md Zaki Puan Wan Azura	1629
3	Die Hard	Puan Mazni Encik Md Khairi Encik Mohd Hanis Puan Roslina Ahmad	1602



Kategori Individu (Lelaki)

KEDUDUKAN	NAMA PEMENANG
1	Encik Shahrin Amri Jahari
2	Encik Jalaluddin Abu Samat
3	Encik Shah Ruddin Harun
4	Encik Juhari Jaafar
5	Encik Muhamad Haniff Arepin

Kategori Individu (Wanita)

KEDUDUKAN	NAMA PEMENANG
1	Puan Roslina Ahmad
2	Puan Ainina Khairiah
3	Noor Faidza Doriat
4	Puan Wan Azura Radzuan
5	Puan Marzipah Ismail



LAWATAN KERJA SAMBIL BELAJAR DARI BAHAGIAN KESELAMATAN, UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

Disediakan oleh : Cik Nor Azrien Muhamad Yunos

NILAI - 14 JUL 2012: Bahagian Keselamatan USIM telah menerima kunjungan daripada 4 orang kakitangan Bahagian Keselamatan UTHM, Johor Darul Takzim untuk Lawatan Sambil Belajar mulai 12 hingga 14 Julai 2012.

Ahli rombongan UTHM turut diberi penerangan tentang pelaksanaan dan penugasan yang dijalankan di Bahagian Keselamatan USIM. Mereka juga turut dibawa melawat sekitar kampus bagi melihat sendiri struktur penugasan yang dijalankan. Diharapkan menerusi program lawatan ini dapat memberikan kerjasama yang erat di antara Bahagian Keselamatan UTHM dan Bahagian Keselamatan USIM di samping dapat bertukar-tukar maklumat bagi memantapkan Bahagian Keselamatan IPTA.



SEKITAR AKTIVITI JABATAN PENDAFTAR

BENGKEL


PEMURNIAN PROSEDUR UMUM DAN PROSEDUR KHUSUS JABATAN PENDAFTAR



Disediakan oleh : Cik Siti Aishah Naim

MELAKA - Bahagian Modal Insan telah menganjurkan Bengkel Pemurnian Prosedur Umum (PU) dan Prosedur Khusus (PK) Jabatan Pendaftar selama dua hari iaitu pada 15 hingga 16 Jun 2012 lalu bertempat di Puteri Resort Ayer Keroh, Melaka. Bengkel ini telah disertai oleh semua Penolong Pendaftar dan di samping kakitangan pelaksana di Jabatan Pendaftar. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memurni dan menyelaras semula semua PU dan PK Jabatan Pendaftar supaya ianya seragam mengikut Sistem Pengurusan Kualiti yang ditetapkan di samping mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan pegawai. Selain daripada itu, dengan adanya bengkel ini juga PU dan PK Jabatan Pendaftar dapat diselaraskan dengan sempurna.

SEKITAR AKTIVITI JABATAN PENDAFTAR



PROGRAM SANGKUTAN KAKITANGAN JABATAN PENDAFTAR : PUAN MONALIZA LAUDANG DI NETHERLANDS

Disediakan oleh : Puan Rozailiza Rajab

Pegawai	:	Monaliza Laudang, Timbalan Pendaftar Kanan
Program	:	Administrator Global Outreach Programme (AGOP 2012)
Tarikh	:	19 hingga 30 April 2012
Tempat	:	Delft University of Technology, Eindhoven Universiti of Technology di Netherlands, Kedutaan Besar Malaysia di Natherlands dan Heidelberg Universiti di Jerman
Anjuran	:	UPM dengan kerjasama Jawatankuasa Latihan Institusi –institusi Pengajian Tinggi Awam (JALUMA)
Bil. Peserta	:	23 orang dari 15 IPTA



Program lawatan Pegawai Tadbir ke Luar Negara ini adalah program yang telah disusun oleh pihak UPM dengan kerjasama JALUMA yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan pengurusan universiti di luar Negara khususnya berkaitan dengan Pelan Penggantian dan Pengurusan Bakat.

Program bermula dari 19 hingga 30 April 2012 dengan pengisian utama adalah Kursus *Training of Trainers* yang diadakan di Hotel De Bosrand, Ede, Natherlands selama empat (4) hari anjuran MDF Training and Consultancy dan lawatan rasmi ke Delft University of Technology, Eindhoven Universiti of Technology di Netherlands dan Kedutaan Besar Malaysia di Natherlands serta lawatan ke Bandar dan sekitar kampus Heidelberg Universiti di Jerman.

Mengikuti program ini telah melayakkan para peserta program memperoleh kelayakan sebagai *certified trainer* dan berupaya menjalankan latihan berkaitan pelan penggantian dan pengurusan bakat. Pengetahuan yang diperolehi sepanjang latihan dan lawatan ke universiti berkaitan mampu menjadikan para peserta program sebagai sumber rujukan berkaitan pelan penggantian dan pengurusan bakat ini kepada pihak universiti masing-masing dan seterusnya mengaplikasikan ilmu yang diperolehi dalam usaha membina modul/sistem pelan penggantian dan pengurusan bakat di IPTA masing-masing. Para peserta juga berpeluang melihat budaya kerja berprestasi tinggi melalui pembelajaran, pemerhatian dan penilaian budaya masyarakat di Negara maju selain dapat meluaskan jaringan kerjasama antara universiti dan agensi konsultansi yang telah dilantik. Di sepanjang program ini juga para peserta telah didedahkan berkaitan kaedah pengurusan latihan yang berkesan melalui latihan dan sesi maklumbalas yang diadakan.



PROGRAM SANGKUTAN KAKITANGAN

JABATAN PENDAFTAR :

PUAN SURIYATI ISMAIL DI AMERIKA SYARIKAT



Disediakan oleh : Puan Rozailiza Rajab

Pegawai	:	Puan Suriyati Ismail, Penolong Pendaftar Kanan di Bahagian Modal Insan
Program	:	Visiting International Professional Programme, Global Executive Workshop Programme (GEW)
Tarikh	:	11 – 29 Jun 2012
Tempat	:	Michigan State University, Amerika Syarikat
Anjuran	:	UUM & JALUMA
Bil Peserta	:	18 orang di kalangan pegawai kumpulan P&P di IPTA

Objektif program ini antara lain adalah untuk mendapatkan pengetahuan yang lebih jelas berkaitan pendekatan dan amalan terbaik Universiti Penyelidikan terkemuka dunia iaitu Michigan State University, Amerika Syarikat. Selain daripada untuk meningkatkan pengetahuan tentang sistem pendidikan tinggi di Amerika Syarikat, peserta juga berpeluang berkongsi ilmu dan membuat perbandingan berkaitan sistem pentadbiran universiti tempatan dengan universiti antarabangsa selain dapat menjalin hubungan kerjasama terutamanya dari aspek penyelidikan, pengantarabangsaan serta pembangunan profesionalisme.

Sepanjang program berlangsung, peserta dapat meninjau kemudahan dan fasiliti pengajaran dan pembelajaran sebagai tanda aras untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pendidikan yang diberikan oleh USIM. Pendedahan silang budaya yang diterapkan secara tidak langsung melalui program ini juga dapat meningkatkan kemahiran interpersonal pegawai di samping peningkatan sendiri yang positif.



BENGGEL NAZIRAN

SEBAGAI ASAS PERMOHONAN JAWATAN BARU OLEH PUSAT TANGGUNGJAWAB

Disediakan oleh : Cik Shezelena Madon

Bengkel NAZIRAN Sebagai Asas Permohonan Jawatan Baru Oleh Pusat Tanggungjawab telah diadakan dengan jayanya pada 21 Februari 2012 (Selasa), pada jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di Bilik Latihan, Bangunan Dataran Selera, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan dihadiri oleh Ketua Jabatan USIM.

Naziran didefinisikan sebagai aktiviti memeriksa dan memantau ke atas tahap penggunaan gunatenaga agensi sektor awam, pemakaian skim perkhidmatan dan tahap pematuhan terhadap struktur organisasi yang telah ditetapkan.

Objektif Naziran ini ialah untuk memastikan jentera pentadbiran agensi-agensi kerajaan dapat berfungsi secara cekap dan berkesan bagi mencapai objektif agensi yang telah ditetapkan. Ia juga merupakan kaedah audit pengurusan untuk sesuatu agensi bagi mengesan kelemahan dan dapat memperkemas kedudukan agensi-agensi dari segi:

- Pencapaian objektif dan fungsi;
- Pengawasan dan penggunaan tenaga manusia;
- Struktur organisasi yang sedia ada; dan
- Sistem kerja yang diamalkan.

KURSUS INDUKSI KAKITANGAN KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SERTA SOKONGAN I (GRED 27- 40) BIL.1/2012

Disediakan oleh : Cik Shezelena Madon

Kursus Induksi Kumpulan Pengurusan dan Professional Serta Sokongan I (Gred 27 – 40) Bil.1/2012 telah diadakan pada 4 hingga 13 Julai 2012. Peserta kursus terdiri daripada Pegawai Kumpulan P&P dan Kumpulan Sokongan I seramai 49 orang iaitu 31 orang menghadiri Kursus Induksi Umum dan Khusus dan 18 orang menghadiri Kursus Induksi Khusus.



Pelaksanaan Kursus Induksi Khusus dan Umum Kumpulan P&P dan Sokongan I Bil.1/2009 USIM adalah berdasarkan modul yang dibangunkan hasil inisiatif Jawatankuasa Latihan Universiti (JALUMA) yang melihat semula keperluan modul Kursus Induksi yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan disesuaikan dengan keperluan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Pelaksanaan pemakaiannya di USIM diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Kursus Induksi USIM pada 2 September 2009 lalu.

SUMBANGAN UKHWAH JABATAN PENDAFTAR KEPADA ANAK-ANAK YATIM

Disediakan oleh : Cik Shezelena Madon

Program Ukhwah Jabatan Pendaftar telah diadakan dengan jayanya pada 4 Ogos 2012 (Sabtu) bertempat di Rumah Anak Yatim Darul Aminan, Seremban, Negeri Sembilan. Program ini telah dihadiri oleh Y.Bhg. Tuan Pendaftar, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan beberapa orang pegawai serta staf dari Jabatan Pendaftar.

Darul Aminan kini menempatkan seramai 37 penghuni berusia setahun sehingga 16 tahun yang merupakan anak-anak yatim daripada keluarga miskin di Negeri Sembilan.

Antara sumbangan yang diberikan adalah berupa barang keperluan asas yang disumbangkan oleh staf Jabatan Pendaftar. Y.Bhg. Tuan Pendaftar mengharapkan program seperti ini dijalankan lagi pada masa akan datang.



SEKITAR AKTIVITI JABATAN PENDAFTAR

LAWATAN KERJA DARI KOLEJ ISLAM DARUL RIDZUAN (KISDAR), PERAK

Disediakan oleh : Encik Amizul Aziz

Pada 29 Mac 2012, hari Khamis, 13 orang kakitangan KISDAR telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Pendaftar Universiti Sains Malaysia (USIM) di Nilai, Negeri Sembilan. Delegasi yang diketuai oleh Ketua Jabatan Sumber Manusia, Encik Muhammad Razman bin Mohd Mahaiyuddin bertujuan untuk menambahbaik sistem penyampaian oleh kedua – dua buah institusi melalui proses perkongsian ilmu susulan daripada lawatan tersebut.

Ketibaan mereka disambut mesra oleh staf Jabatan Pendaftar USIM dan di bawa terus ke Dewan Senat. Sesi pertemuan ini dimulakan dengan pengenalan diri oleh semua ahli yang hadir. Perbincangan diadakan dalam suasana santai dan diselangi dengan sesi soal jawab. Antara staf KISDAR yang menyertai lawatan ini ialah pegawai-pegawai dari Unit Perjawatan Dan Tatatertib, Perkhidmatan Dan Cuti, Unit MPK, Fail Meja Dan Pekeliling, Unit Kebajikan serta Unit Latihan dan Kompetensi.

Menurut Encik Muhammad Razman, lawatan ini mencapai sasaran yang ditetapkan dengan memperoleh maklumat-maklumat dan kaedah-kaedah pelaksanaan proses kerja untuk disesuaikan mengikut keperluan KISDAR. Kejayaan lawatan ini juga memungkinkan lawatan yang sama dapat dilakukan ke Universiti yang lain pula.



LAWATAN KERJA RASMI KE UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CAWANGAN KUBANG KERIAN



Pada 29 Februari hingga 3 Mac 2012, satu lawatan kerja rasmi ke Universiti Sains Malaysia Kampus Induk dan Kampus Kubang Kerian telah diadakan. Delegasi peserta adalah seramai 8 orang yang telah diketuai oleh Y.Bhg. Tuan Pendaftar. Lawatan kerja ini adalah bertujuan untuk berkongsi maklumat dan pengalaman sebagai penanda aras arah tuju Sektor Pembangunan Manusia (HRD) universiti-universiti lain dan juga untuk mendapatkan input bagi meningkatkan lagi prestasi pentadbiran di USIM.

Secara keseluruhannya, program Lawatan Kerja Rasmi Sebagai Penanda Aras Ke USM Kubang Kerian dan USM Induk Pulau Pinang berlangsung dengan baik dan mencapai objektif yang dihasratkan. Lawatan ini juga memberikan ruang dan peluang kepada USIM menjalinkan kerjasama pintar bagi memastikan hasrat USIM untuk menjadi sebuah Universiti yang termaju serta tersohor di peringkat negara dan antarabangsa tercapai.

Sesi Pertukaran
Cenderamata



Sesi bergambar
bersama kakitangan
USM Cawangan
Kubang Kerian

LAWATAN KERJA KE UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Disediakan oleh : Puan Zainab Ismail



Sesi perbincangan antara pegawai Pejabat Pendaftar USM Cawangan Kubang Kerian dengan Pegawai Bahagian Modal Insan Jabatan Pendaftar USIM

LAWATAN KERJA RASMI KE KAMPUS INDUK

Sesi perbincangan antara pegawai Pejabat Pendaftar USM Kampus Induk dengan Pegawai Bahagian Modal Insan Jabatan Pendaftar USIM



Sesi Pertukaran
Cenderamata



Sesi bergambar




Majlis Berbuka Puasa

Lembaga Pengarah USIM Bersama
Pengurusan Tertinggi Dan Pegawai – Pegawai
Kanan USIM Serta Majlis Penghargaan
Mantan Ahli Lembaga Pengarah USIM –
Y.Bhg. Dato' Syed Amin Al - Jeffri

Disediakan oleh : Cik Siti Aishah Naim



Majlis Berbuka Puasa Lembaga Pengarah USIM Bersama Pengurusan Tertinggi dan Pegawai – Pegawai Kanan USIM serta Majlis Penghargaan Mantan Ahli Lembaga Pengarah USIM, Y.Bhg. Dato' Syed Amin AL Jeffri telah diadakan pada 13 Ogos 2012 yang lalu bertempat di Eksekutif Lounge, Aras 6, Bangunan Canselori USIM. Majlis ini diadakan susulan kepada tarikh penamatan Y.Bhg. Dato' Syed Amin Al Jeffri mewakili sektor swasta sebagai Ahli Lembaga Pengarah USIM yang telah berakhir pada 30 April 2012 disamping bagi mengeratkan juga silaturrahim di antara semua Lembaga Pengarah USIM bersama Pengurusan Tertinggi dan juga Pegawai – Pegawai Kanan USIM. Y.Bhg. Dato' Syed Amin Al Jeffri telah mula dilantik pada 1 September 2000 sehingga 30 April 2012. Majlis yang telah dimulai pada jam 6.00 petang berakhir pada jam 9.00 malam.



Gotong Royong Memasak Rendang



Sambutan Hari Raya Peringkat USIM

Disediakan oleh : Cik Siti Aishah Naim & Encik Mohd Hilmi Daud

Sempena Hari Raya Aidilfitri tahun 2012, satu Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat USIM telah diadakan pada 7 September 2012 yang lalu. Majlis yang diadakan bermula jam 9.00 pagi sehingga 12.00 tengahari itu telah dihadiri oleh seluruh kakitangan bertempat di Stadium Tertutup Nilai. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda. Pelbagai juadah telah disediakan daripada setiap Jabatan seperti menu ayam golek, aneka mee, aneka kuih basah dan lain – lain lagi. Jabatan Pendaftar telah menyajikan menu lemang dan rendang daging yang mendapat sambutan daripada semua staf.

Beberapa pertandingan juga telah diadakan iaitu Pertandingan bagi Gerai Tercantik, Gerai Mesra Pelanggan dan lain-lain lagi. Selain itu, turut diadakan pertandingan baju raya tercantik di kalangan semua kakitangan dan dibahagikan kepada beberapa kategori seperti Baju Moden Kontemporari, Baju Tradisional serta kategori Baju 1 Malaysia. Pertandingan karaoke lagu-lagu raya turut diselitkan samada secara berkumpulan atau pun secara individu. Majlis telah berakhir pada jam 12.00 tengahari.



PERTANDINGAN MELAWAN KEBAKARAN (CDERT) SEMPENA EKSESAIS PERTAHANAN AWAM PERINGKAT KEBANGSAAN 2012

Disediakan oleh : Cik Nur Azrien Muhamad Yunos

KUALA KUBU BHARU – 18 Oktober 2012 : Universiti Sains Islam Malaysia telah menghantar Pasukan *Smart Team* yang terdiri daripada Pengawal Keselamatan bagi mewakili Negeri Sembilan ke Pertandingan Melawan Kebakaran (CDERT) Sempena Eksasais Pertahanan Awam Peringkat Kebangsaan 2012.

Pertandingan ini berlangsung selama empat (4) hari bermula pada 18 hingga 21 Oktober 2012 bertempat di padang Taman Mellium, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Pertandingan ini diadakan sempena Perhimpunan Pasukan Pertahanan Awam seluruh Malaysia yang diadakan setiap tahun bagi menguji kemahiran dan kecergasan anggota pasukan pertahanan Awam.

Pasukan *Smart Team* USIM yang terdiri daripada anggota Pengawal Keselamatan telah diberi penghormatan oleh Jabatan Pertahanan Awam Negeri Sembilan bagi mewakili Negeri Sembilan dalam kategori Pasukan *Smart Team* yang bukan dari kalangan Pasukan Pertahanan Awam. Pasukan *Smart Team* USIM telah menjalani latihan selama seminggu di Jabatan Pertahanan Awam Negeri Sembilan bagi persiapan menyertai kejohanan tersebut. Pertandingan Melawan Kebakaran ini adalah bagi menguji ketahanan mental dan fizikal serta teknik peserta dalam melawan kebakaran. Dalam pertandingan ini, Pasukan *Smart Team* USIM telah dinobatkan sebagai Johan dengan mengalahkan 7 pasukan *Smart Team* dari negeri lain, diikuti pasukan Johor di tempat kedua dan Pulau Pinang di tempat ketiga.



KEJOHANAN TARIK TALI TERBUKA AWAM SEMPENA PESTA KONVOKESYEN USIM KE – 10

Disediakan oleh : Cik Nur Azrien Muhamad Yunos

NILAI – 25 November 2012 : Bahagian Keselamatan dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Pusat Sukan dan Persatuan Tarik Tali Negeri Sembilan (NSTWA) telah menganjurkan Kejohanan Tarik Tali Terbuka Awam sempena Pesta Konvokesyen ke -10, USIM. Pendaftaran penyertaan dan timbangan berat telah dilakukan pada 24 November 2012 bertempat di Pejabat Keselamatan USIM. Sebanyak 8 pasukan telah mendaftar pada hari berkenaan iaitu Universiti Sains Islam Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak, Universiti Malaya, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Klang, Penjara Kajang, dan Majlis Bandaraya Ipoh.

Hadiah yang dipertaruhkan kepada johan adalah sebanyak RM2000.00, RM1000.00 kepada Naib Johan, RM700.00 bagi tempat ketiga, RM500.00 untuk tempat keempat manakala saguhati sebanyak RM150 diberikan kepada pasukan di tempat kelima hingga tempat kelapan.

Penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Y. Bhg. Profesor Dato' Dr Mohamed Asin Dollah. Johan telah dimenangi oleh Pasukan MBSA diikuti Pasukan Majlis Perbandaran Klang yang mendapat Naib Johan dan seterusnya Pasukan USIM yang menduduki tempat ketiga. Kejohanan yang bermula seawal jam 9.00 pagi telah berakhir pada jam 3.00 petang.



SEKITAR AKTIVITI JABATAN PENDAFTAR

Bengkel Pemurnian, Pembangunan Dan Pelaksanaan Sistem Laporan Prestasi Pengajian Sedang Bercuti Belajar Atas Talian (ePrestasi Cuti Belajar)

Disediakan oleh : Cik Shezelena Madon

Bengkel Pemurnian, Pembangunan dan Pelaksanaan Sistem Laporan Prestasi Pengajian Sedang Bercuti Belajar Atas Talian (ePRESTASI Cuti Belajar) telah diadakan 28 hingga 30 Disember 2012 bertempat di Impiana Morib Hotel, Banting Selangor.

Jabatan Pendaftar telah menubuhkan satu kumpulan inovasi dalam membangunkan Sistem ePRESTASI Cuti Belajar yang mana projek ini akan dibawa masuk untuk bertanding di Konvensyen KIK Peringkat USIM. Bengkel ini bertujuan untuk memurni dan menyelaras projek akhir dari segi dokumentasi dan persembahan sebelum konvensyen KIK berlangsung.

Bengkel tersebut telah dihadiri oleh beberapa orang kakitangan Jabatan Pendaftar terdiri daripada Timbalan Pendaftar Kanan BMI, lapan (8) orang pegawai BMI, (3) orang staf sokongan BMI dan dua (2) orang pegawai daripada Pusat Teknologi Maklumat (PTM).



KURSUS INDUKSI KHUSUS DAN UMUM BAGI KUMPULAN SOKONGAN (GRED 17-26) DAN (GRED 1-16) BIL. 1/2012 USIM

Disediakan oleh : Cik Shezelena Madon

Kursus Induksi Khusus dan Umum bagi Kumpulan Sokongan (Gred 17-26) dan (Gred 1-16) Bil.1/2012, Universiti Sains Islam Malaysia telah diadakan pada 4 hingga 13 Disember 2012 bertempat di Bilik Latihan, Bangunan Dataran Selera USIM.

Kursus berkenaan telah disertai oleh 6 orang peserta. Peserta diwajibkan menghadiri Kursus Induksi tersebut sebagai salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan dan bertujuan untuk memberi pendedahan berkenaan Universiti dan perkhidmatan awam kepada para pegawai.

Objektif Kursus:

- i. Memberi pendedahan khusus berkenaan Sistem Pentadbiran Universiti sebagai badan berkanun yang terikat dengan peraturan-peraturan dan dasar-dasar kerajaan.
- ii. Membina generasi pegawai awam yang mempunyai pengetahuan dalam pelbagai aspek teori dan amalan-amalan pembelajaran organisasi yang berkesan.
- iii. Memberikan pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan sesuatu tugas, agar imej perkhidmatan lebih cemerlang
- iv. Memberi panduan yang jelas tentang peranan dan fungsi Pegawai sebagai anggota perkhidmatan awam.



LAWATAN KE

PEJABAT POLIS BANTUAN UiTM, SHAH ALAM



Disediakan oleh : Cik Nur Azrien Muhamad Yunos

SHAH ALAM - 29 MAC 2012: Satu lawatan kerja oleh Bahagian Keselamatan, USIM ke Pejabat Polis Bantuan UiTM, Shah Alam telah diadakan pada 29 Mac 2012.

Lawatan yang dihadiri seramai sembilan orang pegawai dan anggota keselamatan USIM ini adalah bertujuan bagi melihat kepada pelaksanaan Polis Bantuan di UiTM Shah Alam khususnya serta membincangkan kaedah-kaedah yang digunakan oleh Polis Bantuan UiTM dalam menjaga keamanan dan keselamatan kampus. Bahagian Keselamatan UiTM telah berjaya menjadi perintis dan memperolehi kelulusan dari Polis DiRaja Malaysia bagi penubuhan Polis Bantuan di IPTA.

Taklimat berkenaan Polis Bantuan telah disampaikan oleh Ketua Polis Bantuan UiTM sendiri, Tuan Badarudin Mohd Dom (Supt/ PB) dan turut dihadiri oleh pegawai-pegawai polis bantuan UiTM yang lain. Lawatan ini telah bermula pada jam 9.30 pagi dan telah berakhir pada jam 1.00 petang.



LAWATAN KERJA JABATAN KESELAMATAN, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)



Disediakan oleh : Cik Nur Azrien Muhamad Yunos

NILAI - 14 Disember 2012 : Bahagian Keselamatan USIM telah menerima kunjungan dari Jabatan Keselamatan UUM Sintok, Kedah.

Lawatan ini telah dihadiri oleh seorang Penolong Pegawai Keselamatan dan 30 orang pengawal keselamatan UUM. Rombongan telah tiba ke USIM pada jam 9.00 pagi. Anggota keselamatan UUM telah dibawa ke Dewan Senat bagi mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Keselamatan USIM dan taklimat juga turut diselangi dengan beberapa sesi soal jawab.

Selesai sahaja sesi taklimat, rombongan telah dibawa melawat ke bilik kawalan CCTV serta sekitar kawasan kampus bagi melihat sendiri kemudahan dan fasiliti serta penugasan anggota Bahagian Keselamatan USIM. Lawatan telah diakhiri dengan pertukaran cenderamata oleh kedua – dua pihak dan juga jamuan makan tengahari.

Hasil dari lawatan singkat ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak untuk meningkatkan budaya dan prestasi kerja yang cemerlang di kalangan anggota.



MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT UNDANG-UNDANG (MPUU) IPTA BIL. 3/2012

Disediakan oleh : Encik Mohd Hilmi Daud

Pada 7 Disember 2012, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Majlis Penasihat Undang-Undang (MPUU) IPTA Bil. 3/2012. Mesyuarat yang dihadiri oleh beberapa buah IPTA daripada seluruh Malaysia telah dipengerusikan oleh En. Azhar bin Mohamed, Penasihat Undang-Undang, Universiti Teknikal Melaka Malaysia (UTeM) dan dirasmikan oleh En. Muhammad Haizuan Rozali, Pendaftar USIM.



Mesyuarat MPUU IPTA ini diadakan pada setiap tahun anjuran oleh setiap universiti yang berbeza. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk mendengar pembentangan laporan daripada setiap exco yang dilantik di bawah MPUU bagi menilai sejauh mana perkembangan setiap program yang dijalankan dan dirancang. Mesyuarat juga turut membincangkan setiap perkembangan IPTA dalam hal-hal yang berkaitan dengan bahagian/unit perundangan Universiti dengan mengambil kira kes-kes Mahkamah yang melibatkan Universiti samada sebagai plaintiff atau defendan. Mesyuarat juga melihat impak/kesan kes itu terhadap kedudukan Universiti disamping memberikan pandangan awal kepada Universiti lain agar sentiasa bersedia dan memikirkan secara bersama tindakan yang sewajarnya diambil dan juga menjadi panduan bagi setiap IPTA.

Selain itu, mesyuarat ini juga turut menjadi platform yang amat baik bagi setiap ahli di bawahnya untuk berkongsi pengalaman serta pengetahuan dalam hal ehwal perundangan dan tata tertib bagi setiap IPTA. Selain itu, proses pelaksanaan kaedah-kaedah tata tertib dapat dilihat dan seterusnya dapat memberikan idea baru kepada setiap ahli kerana setiap ahli bebas dalam memberikan pandangan serta cadangan yang mungkin dapat digunakan secara bersama dalam usaha menambah baik setiap prosedur dan proses tata tertib sedia ada. Mesyuarat ini juga dapat merapatkan hubungan kerja dan jalinan yang baik di antara semua IPTA di seluruh Malaysia.

HARI MESRA PELANGGAN JABATAN PENDAFTAR

Disediakan oleh : Puan Noor Azreena Abdul Malek

Pada 23 Oktober dan 29 November 2012, Jabatan Pendaftar telah mengadakan Program Hari Mesra Pelanggan 2012 masing - masing bertempat di USIM Kampus Nilai dan Kampus Cawangan Pandan Indah. Program ini adalah bertujuan untuk memupuk kesedaran dan menerapkan budaya kualiti dan inovasi dalam kalangan warga USIM selain mempromosikan perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Pendaftar. Program seumpama ini merupakan platform penting kepada warga USIM untuk mengutarakan persoalan berkaitan perkhidmatan di Jabatan Pendaftar.

Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti Pembukaan Kaunter Khidmat Pelanggan, Sesi Wacana atau Taklimat Perkhidmatan Jabatan, Pameran Sistem Pentadbiran Jabatan, Edaran Borang Maklumbalas Pelanggan dan Ujian Penentuan Kumpulan Darah serta Kuiz.

Seramai 254 orang staf telah hadir ke program ini dan beberapa maklumbalas berkaitan perkhidmatan Jabatan telah diterima untuk penambahbaikan seterusnya. Selain itu, program ini diharap dapat memberi manfaat kepada semua pihak serta dapat mewujudkan rangkaian perhubungan yang lebih baik di antara staf di Jabatan Pendaftar.



RETREAT JABATAN PENDAFTAR 2012 FELDA RESIDENCE TANJUNG LEMAN, MERSING

Disediakan oleh : Encik Amizul Aziz

Pada 12 Oktober dan 15 November 2012 yang lalu, Jabatan Pendaftar telah menganjurkan Program Retreat Jabatan Pendaftar 2012 di Felda Residence Tanjung Leman, Mersing, Johor. Program telah diadakan sebanyak dua (2) siri yang meliputi penglibatan keseluruhan staf di bawah pentadbiran Jabatan Pendaftar iaitu seramai 128 orang dan turut disertai juga dengan kemeriahan penyertaan ahli keluarga kakitangan dan sekaligus menjadikan jumlah penyertaan keseluruhan mencecah seramai 158 orang . Siri pertama telah diadakan pada 12 hingga 14 Oktober 2012 manakala siri kedua pula telah diadakan pada 15 hingga 17 November 2012.




Objektif penganjuran Program Retreat ini adalah :-

- Menerapkan konsep pengurusan dan kerja berpasukan dari segi ketepatan masa, disiplin dan bertanggungjawab pada tugas yang diamanahkan;
- Memupuk nilai prinsip dan pembentukan peribadi yang stabil, berintegriti dan beretika di kalangan staf Jabatan Pendaftar;
- Sebagai landasan untuk saling kenal-mengenal dan mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan staf dan ahli keluarga Jabatan Pendaftar;
- Menyemarakkan semangat kerjasama, hormat-menghormati dan menanam nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan serta;
- Mewujudkan persefahaman dan semangat kerja berpasukan di kalangan staf Jabatan Pendaftar sekaligus meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja.

Kejayaan Program Retreat untuk tahun 2012 ini adalah hasil kerja keras Ahli Jawatankuasa Pelaksana Program yang terdiri daripada wakil yang dilantik daripada setiap bahagian di bawah Jabatan Pendaftar serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.



GELERI RETREAT JABATAN PENDAFTAR 2012 FELDA RESIDENCE TANJUNG LEMAN, MERSING



SEKITAR AKTIVITI JABATAN PENDAFTAR



TIJAB KABUL

DUA HATI



Nur Farhana Osman & Mohd Marzuki Zulkefli



Saïdi b. Shafie & Norhayati Maidin


KELAHIRAN SI COMEL...

Khairul Ikhwan b. Muhamad Hilmi
21 Mac 2012

Nama Ibu : Norhafidah Abd. Karim
Bahagian Modal Insan (Seksyen Perkhidmatan)
Jabatan Pendaftar



Tahniah dan Syukur!



Muhammad Irfan b. Mohamad Hisam
4 Mei 2012

Nama Ibu : Siti Hawa Ahmad Rubaie
Bahagian Modal Insan (Seksyen Perkhidmatan)
Jabatan Pendaftar

NAIK PANGKA *Tahniah!* KAKITANGAN PENTADBIRAN...



Nama : Puan Norwini Zaidi
No. Staf : S285
Gred Jawatan : Pegawai Teknologi Maklumat Kanan F44
Jabatan/Fakulti : Pusat Teknologi Maklumat
Tarikh Kuatkuasa Naik Pangkat : 1 Mei 2012



Nama : Puan Siti Norul Aini Latif
No. Staf : S175
Gred Jawatan : Pembantu Tadbir Kanan N22
Jabatan/Fakulti : Jabatan Bendahari
Tarikh Kuatkuasa Naik Pangkat : 15 Ogos 2012



Nama : Encik Nur Ekmal Buhary
No. Staf : S86
Gred Jawatan : Pegawai Belia dan Sukan Kanan S44
Jabatan/Fakulti : Pusat Sukan
Tarikh Kuatkuasa Naik Pangkat : 17 Disember 2012

KAKITANGAN CEMERLANG DAN TERPUJI

Penerima Anugerah Cemerlang



Encik Khairul Hannan Hasbullah
Penolong Pendaftar N41
Bahagian Modal Insan



Encik Zulhairi Abd Razak
Pembantu Tadbir (P/O) N17
Bahagian Modal Insan



Puan Latipah Adun
Pembantu Tadbir (P/O) N17
Bahagian Modal Insan



Puan Norazah Yusuf
Pembantu Tadbir (P/O) N17
Bahagian Modal Insan




Encik Mohd Hilmi Daud
Pembantu Tadbir (P/O) N17
Bahagian Undang - Undang



Encik Mohd Hasmie Hasan
Pengawal Keselamatan KP14
Bahagian Keselamatan



Encik Mohamad Ibrahim
Pengawal Keselamatan KP11
Bahagian Keselamatan




Encik Hamidun Abdullah
Pengawal Keselamatan KP11
Bahagian Keselamatan



Encik R.Azhar Ibrahim
Pengawal Keselamatan KP11
Bahagian Keselamatan



**Encik Mohd Zulazhar Abdul
Rahman**
Pengawal Keselamatan KP11
Bahagian Keselamatan



Encik Ahmad Khalil Salot
Pengawal Keselamatan KP11
Bahagian Keselamatan



Encik Zakaria Kasa
Pembantu Keselamatan KP17
Bahagian Keselamatan

Tahniah!

KAKITANGAN CEMERLANG DAN TERPUJI

Penerima Anugerah Terpuji



Puan Sharina Shaari
Pembantu Tadbir (P/O) N17
Bahagian Governan dan Pentadbiran Am



Puan Noralizawati Ishak
Setiausaha Pejabat N27
Pejabat Pendaftar



Puan Syariffah Ziela Suradi
Pembantu Tadbir (P/O) N17
Bahagian Modal Insan



Encik Roslan Rohani
Pengawal Keselamatan KP11
Bahagian Keselamatan



Encik Saharrani Abu Bakar
Pengawal Keselamatan KP11
Bahagian Keselamatan

Tahniah!



Staf Contoh Bulanan Tahun 2012



Januari :



Puan Latipah Adun
Pembantu Tadbir (P/O) N17
Bahagian Modal Insan

Februari :



**Encik Mat Termizi Awang
Mat Noor**
Pengawal Keselamatan KP11
Bahagian Keselamatan

Mac :



**Puan Siti Noor Izyani Zalilah
Sulaiman**
Penolong Pendaftar N41
Bahagian Modal Insan

April :



Encik Junisam Jurimi
Pembantu Tadbir (P/O) N17
Bahagian Modal Insan

Mei :



Puan Noralizawati Ishak
Setiausaha Pejabat N27
Pejabat Pendaftar

Jun :



Puan Zurina Md. Saad
Penolong Pendaftar Kanan N44
Bahagian Undang – Undang

Julai :



Puan Maznida Ahmad
Pembantu Tadbir (P/O) N17
Bahagian Governan dan
Pentadbiran Am

Ogos :



Puan Noor Azreena Abd Malek
Pembantu Tadbir (P/O) N17
Bahagian Governan dan
Pentadbiran Am

September :



Encik Mohd Khafiz Jalani
Pembantu Am Pejabat N1
Bahagian Governan dan
Pentadbiran Am

Oktober :



Cik Siti Aishah Naim
Penolong Pegawai Tadbir N27
Bahagian Governan dan
Pentadbiran Am

November :



Cik Rohimah Abdul Rahman
Penolong Pendaftar N41
Bahagian Governan dan
Pentadbiran Am


Disember :



Encik Amizul Aziz
Pembantu Tadbir (P/O) N17
Pejabat Pendaftar

Tahniah!

STATISTIK PENGISIAN KAKITANGAN USIM TAHUN 2012



Jumlah Keseluruhan Kakitangan : 1327 orang

Catatan : *penyandang adalah dikalangan staf bertaraf tetap, kontrak (contract of service), pinjaman dan sementara.

STATISTIK PENGISIAN JAWATAN DI USIM SEPANJANG TAHUN 2012

KUMPULAN	JAWATAN	BILANGAN PENGISIAN
Pengurusan Tertinggi	Naib Canselor Gred VU5	1
Akademik	Profesor Madya Gred DS53	2
	Profesor Madya Perubatan Gred DU53	1
	Pensyarah Gred DS51	14
	Pensyarah Pergigian Gred DUG51	1
	Pensyarah Gred DS45	5
	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41	2
Pengurusan & Profesional	Pegawai Perubatan Gred UD47	1
	Arkitek Landskap Gred J41	1
	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41	3
	Penolong Pendaftar Gred N41	7
	Pegawai Penyelidik Gred Q41	1
	Penolong Bendahari Gred W41	1
	Pegawai Pergigian Gred U41	1
Sokongan	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29	1
	Penolong Pegawai Senibina Gred J29	1
	Penolong Pegawai Perubatan Gred U29	1
	Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U29	2
	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	1
	Penolong Pengurus Asrama Gred N27	1
	Penolong Akauntan Gred W27	1
	Pembantu Makmal Gred C17	1
	Juruteknik Landskap Gred J17	1
	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	5
	Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N17	1
	Pembantu Perpustakaan Gred S17	1
	Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17	1
	Pengawal Keselamatan Gred KP11	2
	Tukang K3 (Elektrik) Gred R9	1
	Pembantu Am Pejabat Gred N1	2
JUMLAH KESELURUHAN		64

PENEMPATAN BAHARU KAKITANGAN TAHUN 2012

PENEMPATAN BAHARU BIL. 1/2012
TARIKH KUATKUASA : 3 September 2012

BIL	NAMA	JAWATAN	PENEMPATAN LAMA	PENEMPATAN BAHARU
1	Mazlan Nawang	TP N48	PIPP	JPPF
2	Muin Yahaya	PP N41	JPPF	PIPP
3	Mohd Zaini Othman	PP N41	CANSELORI	BKKPA
4	Musnorazlan Mustafa	PPT N27	PENDAFTAR	JPPF
5	Nor Shasharina Suhaimi	PPT N27	JPPF	PENDAFTAR
6	Mohd Ramzi Sulaiman	KPT N26	BENDAHARI	JPPF
7	Azrulaine Mohd Ariffin	PTK N22	JPPF	BHEP
8	Muna Hayaati Mohd Alwi	PT (P/O) N17	PENERBITAN	FEM
9	Junisam Jurimi	PT (P/O) N17	PENDAFTAR	PUSAT TAMHIDI
10	Fatimah Hanum Samsuri	PT (P/O) N17	PTM	PPKI
11	Nurhassikin Maulat Mahmud	PT (P/O) N17	FSU	BPPS
12	Noor Azlin Hamzah	PT (P/O) N17	PENDAFTAR	FSU
13	Emma Azwin Abd Murad	PT (P/O) N17	FPQS	PTM
14	Nor Jannah Saaluddin	PT (P/O) N17	PPKPK	FST
15	Sharifah Hanizah Syed Sahab	PT (P/O) N17	PPT	FPQS
16	Susilawati Abdullah	PT (P/O) N17	BPPS	PPT
17	Siti Hajar Amran	PT (P/O) N17	INFAD	FPBU
18	Azura Baharudin	PT (P/O) N17	BHEP	PPKPK
19	Suhana Baharudin	PT (P/O) N17	FPBU	BHEP
20	Mohammed Azreen Jamian	PT (P/O) N17	FST	PENERBITAN
21	Noor Liyana Musa	PT (P/O) N17	FEM	INFAD
22	Syaslizah Mohamad	PT (P/O) N17	PUSAT TAMHIDI	PENDAFTAR
23	Faridah Ibrahim	PT (P/O) N17	PPKI	PENDAFTAR
24	Ali Zahran Hj. Thurmooodi	PAP N1	PERPUSTAKAAN	PPT
25	Mohd Khafiz Jalani	PAP N1	PPT	PENDAFTAR
26	Noorhaizam Norzati	PAP N1	BHEP	BENDAHARI
27	Mohd Naszerullah Ramli	PAP N1	BENDAHARI	PERPUSTAKAAN
28	Mohd Fayruz Mohd Zakaria	PAP N1	PENDAFTAR	BHEP
29	Heryerwan Ahmad	PAP N1	FEM	BKKPA
30	Muhammad Rejab Baharom	PAP N1	BKKPA	FEM

PENEMPATAN BAHARU BIL. 2/2012
TARIKH KUATKUASA : 3 Oktober 2012

BIL	NAMA	JAWATAN	PENEMPATAN LAMA	PENEMPATAN BAHARU
1	Siti Fairuz Azlin Musa	PT (P/O) N17	FPSK	FPg
2	Erni Hayati Ali	PT (P/O) N17	FPg	FPSK

PENEMPATAN BAHARU BIL. 3/2012
TARIKH KUATKUASA : 15 Oktober 2012

BIL	NAMA	JAWATAN	PENEMPATAN LAMA	PENEMPATAN BAHARU
1	Noorazlinda Musbah	PT (P/O) N17	BPPS	FST
2	Suhani Sufian	PT (P/O) N17	FST	FPSK

PENEMPATAN BAHARU BIL. 4/2012
TARIKH KUATKUASA : 5 November 2012

BIL	NAMA	JAWATAN	PENEMPATAN LAMA	PENEMPATAN BAHARU
1	Mohd Ramzi Sulaiman	KPT N26	JPPF	BKKPA
2	Rosharimah Noor Ariffin	PTK N22	BENDAHARI	FPQS
3	Siti Norul Aini Latif	PTK N22	PENDAFTAR	BENDAHARI
4	Hamizah Hashim	PT (P/O) N17	PENDAFTAR (BMI)	PENDAFTAR (BUU)
5	Nor Haizan Shaari	PT (P/O) N17	BPPS	PENDAFTAR
6	Fazlil Sharif	PT (P/O) N17	PENDAFTAR	JPPF
7	Azmawani Che Ali	PT (P/O) N17	FPQS	BPPS
8	Mohamad Rozaymie Zaily	PT (P/O) N17	JPPF	PENDAFTAR



Bahagian Governan dan Pentadbiran Am
Jabatan Pendaftar
Universiti Sains Islam Malaysia
71800, Bandar Baru Nilai
Nilai, Negeri Sembilan
Tel : 06-798 8000 Faks : 06-798 8130